

14 MAR 1996

PERDANA MENTERI LAWAT SARAWAK ESOK

KUCHING, 14 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di sini esok untuk lawatan rasmi dua hari ke Sarawak.

Sejurus selepas tiba pada 9 pagi, Perdana Menteri akan merasmikan persidangan hakim-hakim seluruh negara yang akan berlangsung selama dua hari. Sebanyak 75 hakim mahkamah tinggi, mahkamah persekutuan dan mahkamah rayuan akan menghadiri persidangan itu.

Mengikut jadual lawatannya itu, pada petangnya Dr Mahathir akan merasmikan bangunan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) berharga RM55 juta sebelum menghadiri jamuan malam di Dewan Santapan di Kompleks Dewan Undangan Negeri di Petra Jaya.

Pada Sabtu pula, beliau akan ke Bintulu untuk merasmikan pembukaan kilang papan Borneo Pulp and Paper dan juga kilang Sarawak Pulp Sdn Bhd, sebelum merasmikan Taman Perindustrian di Tanjung Kidurong.

Kemudian Dr Mahathir akan ke Bakun untuk mendengar taklimat mengenai Hidroelektrik Bakun dan berdialog dengan masyarakat di situ mengenai projek berharga RM15,000 juta itu. -- BERNAMA

RDY MAI